

# Pusat Aplikasi Perdana MSC dilancar esok

191A - 5 SEP 2002

Oleh ABU HAKIM TANZIMUDDIN

**C**YBERJAYA 4 Sept. — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad akan melancarkan Pusat Aplikasi Perdana Koridor Raya Multimedia (MSC) iaitu pusat teknologi multimedia terkemuka di Asia Tenggara, Jumaat ini.

Naib Presiden Kanan Perbadanan Pembangunan Multimedia (MDC), Mohamed Arif Nun berkata, Perdana Menteri akan turut melancarkan Pusat Inovasi Kesihatan dan Enterprise Perubatan (CHIME) pada hari yang sama.

Beliau berkata, Pusat Aplikasi

Perdana MSC dan CHIME masing-masing menelan kos penyediaan infrastruktur kira-kira RM25 juta dan RM2 juta di bawah fasa pertama pembangunan pusat berkenaan.

Menurutnya, Pusat Aplikasi Perdana MSC itu turut menempatkan Pusat Pembangunan Aplikasi Kreatif (CADK) yang menggunakan teknologi terkini Silicon Graphics Inc (SGI), sebuah syarikat terkemuka Amerika Syarikat dalam pengkomputeran prestasi tinggi, penggambaran maya dan pengurusan data yang kompleks.

"MDC menandatangani perjanjian bernilai AS\$5.6 juta (RM21.28 juta) dengan SGI un-

tuk membangunkan CADK," katanya pada sidang akhbar selepas menyampaikan taklimat dan lawatan media ke Pusat Aplikasi Perdana MSC di sini hari ini.

Beliau menambah, kemudahan CADK membolehkan syarikat-syarikat Malaysia dan luar negara yang terlibat dalam pelbagai sektor pembuatan seperti dalam industri automotif, menjalakan pelbagai kerja pengujian kesesuaian reka bentuk dan pembangunan sesuatu produk.

Mengulas lanjut mengenai Pusat Aplikasi Perdana MSC itu, beliau berkata, selain CADK, ia turut mempunyai makmal MSC yang akan menjadi pusat-pusat kecemerlangan untuk pembang-

unan kandungan kreatif dan penggambaran maya di samping sebagai pusat uji kaji.

"CHIME pula bertujuan untuk membentuk sebuah pusat kecemerlangan MSC untuk inovasi tele-kesihatan serta pusat penyelidikan dan pembangunan (R&D)," katanya.

Menurut beliau, kedua-dua pusat berkenaan merupakan satu lagi kemajuan besar dalam membangun dan membekalkan MSC dengan satu lagi pencapaian terkini.

Katanya, kedua-dua pusat berkenaan dijangka pulang modal dalam tempoh kira-kira tiga tahun.